

**KAJIAN PERANAN & PENERIMAAN MEDIA KETIKA
PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**MOHAMAD NUR ARIFF NASSEEM BIN
MOHD MURAD**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**KAJIAN PERANAN & PENERIMAAN MEDIA KETIKA
PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



**MOHAMAD NUR ARIFF NASSEEM BIN
MOHD MURAD**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA**

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGAKUAN STATUS THESIS

JUDUL : PERANAN DAN PENERIMAAN MEDIA KETIKA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (KEPUJIAN)
BIDANG : KOMUNIKASI

Saya **MOHAMAD NUR ARIFF NASSEEM BIN MOHD MURAD** sesi **2019/2021**, mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,



**MOHAMAD NUR ARIFF NASSEEM BIN
MOHD MURAD
BA19110051**

 **ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Intan Soliha Ibrahim)

Tarikh: 12 Ogos 2022

PENGAKUAN PELAJAR

Saya Mohamad Nur Ariff Nasseem Bin Mohd Murad mengakui bahawa hasil penulisan tesis yang bertajuk Peranan dan Penerimaan Media Ketika Pandemik Covid-19: Kajian Kes Pelajar Universiti Malaysia Sabah adalah merupakan hasil penulisan usaha saya sendiri kecuali fakta dan rujukan dimana setiap rujukan yang diperolehi telah saya nyatakan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Ariff

(Mohamad Nur Ariff Nasseem Bin Mohd Murad)

BA19110051

PROGRAM KOMUNIKASI

PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH

NAMA : MOHAMAD NUR ARIFF NASSEEM BIN MOHD MURAD

NO MATRIK : BA19110051

TAJUK : PERANAN DAN PENERIMAAN MEDIA KETIKA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (KOMUNIKASI)

TARIKH PENGHANTARAN :

DISEMAK OLEH:



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

DISAHKAN OLEH

DR INTAN SOLIHA IBRAHIM
(PENYELIA LATIHAN ILMIAH)

PENGHARGAAN

Pertamanya, Alhamdulillah dan Syukur kepada Allah S.W.T kerana atas limpah kurnianya saya dapat menyelesaikan tugas Latihan ilmiah ini dengan sempurna dan jayanya.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada Dr. Intan Soliha Ibrahim selaku penyelia penyelidikan saya telah banyak menyumbang bakti, membantu saya dengan penuh kesabaran dan telah banyak mencurahkan tunjuk ajar sepanjang proses penyelidikan Latihan ilmiah saya.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah dan Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan atas peluang yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih saya titipkan kepada ahli keluarga saya, barisan pensyarah dan pegawai Universiti serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberikan dorongan dalam menghasilkan penulisan Latihan Ilmiah.

ISI KANDUNGAN

| | |
|---|------------|
| BORANG PENGAKUAN STATUS THESIS..... | iii |
| PENGAKUAN PELAJAR..... | iv |
| PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH | v |
| PENGHARGAAN | vi |
| ISI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL..... | xi |
| SENARAI RAJAH..... | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvi |
| ABSTRAK..... | 1 |
| ABSTRACT | 2 |
| BAB 1 | 3 |
| Pengenalan..... | 3 |
| 1.1 Pendahuluan | 3 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.5 Objektif Kajian..... | 8 |
| 1.6 Skop Kajian..... | 8 |

| | |
|---|-----------|
| 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN | 9 |
| 1.8 DEFINISI KONSEP | 9 |
| 1.8.1 MEDIA..... | 9 |
| 1.8.2 PANDEMIK COVID-19 | 10 |
| 1.9 PEMBAHAGIAN BAB | 11 |
| 1.10 KESIMPULAN | 12 |
| BAB 2 | 13 |
| SOROTAN LITERATUR..... | 13 |
| 2.1 PENGENALAN | 13 |
| 2.2 PENGGUNAAN MEDIA MENURUT PANDANGAN SARJANA..... | 13 |
| 2.3 HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA DAN KESEDARAN INDIVIDU. | 16 |
| 2.4 TEORI | 17 |
| 2.4.1 TEORI KEGUNAAN DAN KEPUASAN | 18 |
| 2.4.2 MODEL KAJIAN | 20 |
| 2.5 HIPOTESIS..... | 21 |
| 2.6 KESIMPULAN | 22 |
| BAB 3 | 23 |
| METODOLOGI KAJIAN..... | 23 |
| 3.1 PENGENALAN | 23 |
| 3.2 REKA BENTUK KAJIAN | 23 |
| 3.3 PENGUMPULAN DATA | 25 |

| | |
|--|-----------|
| 3.3.1 SURVEI | 25 |
| 3.3.2 POPULASI DAN SAMPEL | 27 |
| 3.4 ANALISIS DATA | 28 |
| 3.5 KESIMPULAN | 29 |
| BAB 4 | 30 |
| ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 30 |
| 4.1 PENGENALAN | 30 |
| 4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN | 30 |
| 4.3 MENGENALPASTI TAHAP PENGGUNAAN MEDIA KETIKA PANDEMIK COVID-19 OLEH PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH | 37 |
| 4.4 MENGENALPASTI PERANAN MEDIA DALAM KEHIDUPAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH. | 42 |
| 4.5 MENGANALISIS HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA DAN KESEDARAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KETIKA PANDEMIK COVID-19..... | 52 |
| 4.6 KESIMPULAN | 62 |
| BAB 5 | 64 |
| PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN | 64 |
| 5.1 PENGENALAN..... | 64 |
| 5.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN | 64 |
| 5.2.1 OBJEKTIF 1 | 64 |

| | |
|---|-----------|
| 5.2.2 OBJEKTIF 2 | 65 |
| 5.2.3 OBJEKTIF 3 | 66 |
| 5.3 LIMITASI KAJIAN | 67 |
| 5.4 CADANGAN | 68 |
| 5.5 KESIMPULAN | 69 |
| RUJUKAN | 70 |
| LAMPIRAN | 74 |
| BORANG SOAL SELIDIK - KAJIAN PERANAN DAN PENERIMAAN MEDIA KETIKA PANDEMIK COVID-19: KAJIAN KES PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH | 74 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | |
|----------------|--|
| Jadual 3.3.1.1 | Skala Likert |
| Jadual 3.3.1.2 | Kandungan Soal Selidik |
| Jadual 4.2.1 | Jantina |
| Jadual 4.2.2 | Umur |
| Jadual 4.2.3 | Tahun Pengajian |
| Jadual 4.2.4 | Fakulti |
| Jadual 4.2.5 | Agama |
| Jadual 4.2.6 | Etnik |
| Jadual 4.2.7 | Tempat Tinggal |
| Jadual 4.2.8 | Media yang sering digunakan |
| Jadual 4.3.1 | Saya Menggunakan media untuk mendapatkan maklumat semasa pandemik Covid-19 |
| Jadual 4.3.2 | Saya menggunakan media lebih daripada 1 jam sehari |
| Jadual 4.3.3 | Saya menggunakan media agar dapat berkongsi maklumat ketika pandemik Covid-19 |
| Jadual 4.3.4 | Media membantu saya untuk mendapat maklumat dan berita semasa pandemik Covid-19 |
| Jadual 4.3.5 | Media yang digunakan mampu membantu saya memberi sepenuh perhatian terhadap perkembangan pandemik Covid-19 |

- Jadual 4.4.1 Media memberi ruang kepada saya untuk mendapatkan maklumat dan informasi yang sahih
- Jadual 4.4.2 maklumat dan informasi yang dikongsi melalui media ketika pandemik Covid-19 sentiasa pantas dan cepat
- Jadual 4.4.3 Saya akan berkongsi maklumat dan berita berkaitan pandemik Covid-19 yang saya terima kepada keluarga dan rakan-rakan
- Jadual 4.4.4 saya akan periksa kesahihan maklumat dan berita berkaitan pandemik Covid-19 yang saya terima sebelum dikongsi kepada keluarga dan rakan-rakan
- Jadual 4.4.5 Saya akan mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan pandemik Covid-19 melalui saluran yang rasmi sahaja
- Jadual 4.4.6 Media sentiasa memberikan laporan yang terkini berkaitan dengan pandemik Covid-19
- Jadual 4.4.7 Saya akan sentiasa peka dengan maklumat dan informasi yang palsu melalui media ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.4.8 Media membantu dalam menambah pengetahuan am berkaitan dengan pandemik Covid-19
- Jadual 4.4.9 Saya dapat mengetahui tentang larangan terkini berkaitan dengan SOP ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.4.10 Media membantu saya untuk sentiasa mematuhi segala larangan dan SOP yang telah ditetapkan ketika pandemik Covid-19

- Jadual 4.5.1 Saya sedar bahawa media mengandungi pelbagai maklumat dan informasi berkaitan dengan pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.2 Saya dapati media mudah untuk terdedah kepada maklumat dan informasi yang tidak sahih
- Jadual 4.5.3 Saya sedar ramai pihak cuba membuat maklumat dan informasi yang palsu melalui media ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.4 Saya perlu melakukan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka semasa berada di kawasan awam ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.5 Saya perlu menegur sekiranya melihat ada individu/pihak yang tidak mematuhi arahan dan SOP ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.6 Saya perlu sentiasa menjaga kebersihan diri apabila berada di luar rumah ketika pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.7 Saya perlu berkongsi maklumat dan informasi yang sahih sahaja berkaitan dengan pandemik Covid-19
- Jadual 4.5.8 Saya bertanggungjawab terhadap sebarang maklumat dan berita tidak sahih yang telah saya kongsi
- Jadual 4.5.9 Perkongsian maklumat dan informasi yang tidak sahih ketika pandemik Covid-19 akan menimbulkan banyak salah faham
- Jadual 4.5.10 Saya perlu mengabaikan sekiranya terdapat maklumat dan informasi palsu yang dikongsi kepada saya

SENARAI RAJAH

- Rajah 2.4.2.1 Model Kajian Kegunaan dan Kepuasan
- Rajah 2.4.2.2 Kerangka Konseptual
- Rajah 3.3.2 Penentuan Sampel Krejcie & Morgan 1970



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------------|---|
| UMS | Universiti Malaysia Sabah |
| Covid-19 | CoronaVirus Disease 2019 |
| SARS-CoV-2 | Coronavirus Disease 19 (Covid-19) |
| PKP | Perintah Kawalan Pergerakan |
| WHO | World Health Organization |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| SOP | Standard Operating Procedures |
| MKN | Majlis Keselamatan Negara |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| PKPD | Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan |
| MCMC | Malaysian Communication and Multimedia Commission |
| CPRC | Crisis Preparedness and Response Centre |
| P&P | Pembelajaran dan Pengajaran |
| RQ | Research Question |
| RO | Research Objective |
| UTHM | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia |
| SPSS | Statistic Programme for Social Science |

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1

HALAMAN

88



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini ingin melihat peranan dan penerimaan media ketika pandemik Covid-19 oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini mempunyai tiga persoalan kajian iaitu yang pertama (1) Apakah tahap penggunaan media ketika pandemik Covid-19 oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah; kedua (2) Apakah peranan media dalam kehidupan pelajar Universiti Malaysia Sabah dan ketiga (3) Bagaimana hubungan antara penggunaan media dan kesedaran pelajar Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini akan menggunakan pendekatan Teori Kegunaan dan Kepuasan untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji. Kajian ini juga akan menggunakan kaedah kajian kuantitatif untuk memastikan persoalan kajian dapat dijawab dengan baik sekali gus pengkaji akan mengedarkan boring soal selidik kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah secara atas talian. Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan pendekatan ini maka segala persoalan kajian dapat dijawab dan dianalisis berdasarkan kepada data yang diperolehi.

Kata Kunci: Peranan, penerimaan, media, pandemik & Covid-19

ABSTRACT

This study wants to see the role and reception of the media during the Covid-19 pandemic by the students of Universiti Malaysia Sabah. This study has three research questions which are the first (1) What is the level of media use during the Covid-19 pandemic by Universiti Malaysia Sabah students; second (2) What is the role of media in the life of Universiti Malaysia Sabah students and third (3) What is the relationship between media use and the awareness of Universiti Malaysia Sabah students. This study will use the Uses and Satisfaction Theory approach to be used as a reference for researchers. This study will also use quantitative research methods to ensure that the research questions can be answered well, so the researcher will distribute questionnaires to Universiti Malaysia Sabah students through online. Therefore, by using this approach, all research questions can be answered and analyzed based on the data obtained.

Keywords: Role, reception, media, pandemic & Covid-19

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian serta isu yang dikaji iaitu peranan dan penerimaan media Ketika pandemik Covid-19. Kajian ini melibatkan pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Pandemik Covid-19 telah memasuki tahun kedua di kebanyakan negara. Menurut laporan daripada (CNN, 2020), penularan wabak baharu jenis SARS-CoV-2 atau dikenali sebagai Covid 19 mula merebak di Wuhan, China setelah kajian dan siasatan telah dilakukan oleh pengkaji dan penyiasat. Penularan wabak corona virus ini juga telah merencatkan pelbagai sektor di seluruh dunia termasuklah sektor ekonomi, sosial dan pendidikan. Bagi sektor pendidikan pula, sehingga Mac 2020, aktiviti pembelajaran secara formal yang melibatkan hampir 600 juta pelajar di seluruh dunia terjejas akibat arahan penutupan institusi-institusi pendidikan sama ada pada peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi (Goyal, 2020).

Untuk itu, setiap negara telah melakukan pelbagai usaha pencegahan bagi mengekang penularan wabak ini. Antara usaha kerajaan dalam mengamalkan dan melaksanakan keperluan tersebut adalah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti pemakaian pelitup muka, mencuci tangan dengan cecair pembasmi kuman dan penjarakkan 1 meter. Pelbagai usaha telah diambil,

antaranya mengenakan sekatan kepada pelancong luar, arahan penjarakan fizikal dan mewajibkan pemakaian pelitup muka (Gonzalez, 2020).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian yang melibatkan peranan dan penerimaan media ketika pandemik Covid 19 yang mana ianya sudah pernah dilakukan oleh pengkaji pada tahun 2020 bagi mengkaji kesan, impak dan punca yang berlaku dan akan berlaku apabila pandemik ini berlaku. Pandemik yang berlaku di dunia ini telah menyebabkan pelbagai sektor di setiap negara menjadi huru-hara. Pelbagai sektor mengalami implikasi ekoran pandemik yang telah melumpuhkan kegiatan harian manusia. Melalui masalah penularan yang berlaku ini, kerajaan telah menyahut seruan yang dilakukan oleh World Health Organization (WHO) bagi mengamalkan dan melaksanakan segala keperluan untuk membendung penularan wabak Covid 19 ini.

Di Malaysia, kes pertama dikesan pada Januari 2020. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah berjaya mengesan dan mengenalpasti 22 kes import penularan wabak covid 19 ini dan usaha ini boleh digambarkan sebagai berjaya dibendung dan dikawal pada awalnya apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mula dilaksanakan pada 18 Mac 2020 telah membawa kesan yang positif apabila dapat merekod sifar kes bagi jangkitan wabak Covid 19 selepas lima bulan bertarung untuk membendung penularan wabak tersebut. Tempoh lima bulan itu menunjukkan betapa efektifnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berjaya membendung penularan wabak tersebut menunjukkan rakyat Malaysia Ketika itu mengikuti dan mematuhi dengan baik peraturan dan arahan yang diberikan oleh kerajaan bagi membantu mengecilkan lagi jurang jangkitan di dalam komuniti.

Dalam menjalani kehidupan norma baharu ini para pelajar dari institusi tinggi juga antara kumpulan yang banyak membantu dalam mengurangkan peratus keterjangkitan ini. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan, mereka merupakan kumpulan yang sering terikat dengan prosedur dan juga SOP yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Tiga badan utama inilah yang sering dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan segala peraturan dan SOP bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Hal ini juga tidak terlepas kepada pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila terdapat juga pelajar UMS yang berada di dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang telah dilaksanakan di tiga kolej di dalam Universiti Malaysia Sabah itu sendiri (MKN, 2020).

Fungsi media di Malaysia juga dinilai supaya ianya dapat menjawab kepada persoalan pengkaji. Adakah melalui media, mahasiswa akan mempunyai kesedaran terhadap norma kehidupan baharu di era pandemik ini dengan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan yang telah digariskan oleh kerajaan. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan pada tahun 2020 oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu "Internet Users Survey 2020: Infographic", peratusan penggunaan internet dikalangan rakyat Malaysia telah meningkat dari 87.4% pada tahun 2018 meningkat kepada 88.7% pada tahun 2020. Laporan tersebut juga menyatakan sebanyak 28.6% rakyat Malaysia kerap meluangkan masa mereka di internet hampir 5-8 jam sehari dan sebanyak 8.2% melayari internet di tempat pengajian seperti bangunan universiti dan kolej universiti.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji akan memperlihatkan tahap pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap kalangan pelajar terutamanya pelajar di Universiti Malaysia Sabah. kajian ini dijalankan bagi melihat adakah kumpulan pelajar ini mereka sedar dan patuh terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui peranan

media yang sedia ada. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai peranan yang dimainkan oleh media ketika pandemik ini apabila pengguna internet kerap meluangkan masa dengan aktiviti atas talian mereka di Sosial Media iaitu sebanyak 93.3% dan menonton video secara atas talian sebanyak 87.3% (MCMC, 2020). Pandemik yang berlaku pada masa kini telah membuka peluang untuk menilai sejauh mana tahap kesedaran mahasiswa terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilihat sedang diperankan oleh media selaras dengan tindakan yang telah dilaksanakan oleh banyak negara di seluruh dunia bagi membendung penularan wabak Covid 19 yang dilihat telah memasuki tahap yang lebih serius.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Secara idealnya pandemik Covid 19 ini telah membuatkan semua negara melakukan pelbagai tindakan dan usaha dalam memastikan setiap sektor di negara masih lagi dapat berfungsi seperti biasa walaupun terdapat beberapa sektor yang terpaksa bergerak secara norma baharu. Pelaksanaan dan mengamalkan Langkah-langkah penjagaan diri daripada dijangkiti wabak corona virus ini telah banyak memberi kesan ataupun implikasi kepada rakyat. Disebabkan oleh kes jangkitan yang semakin bertambah dari hari ke hari maka, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dalam perutusan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 14 Mac 2020. Pelaksanaan PKP ini juga dikenali sebagai fasa 1 adalah selaras dengan Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 telah diwartakan pada 18 Mac 2020 (Saleng, 2020).

Namun, realiti yang sebenar adalah dengan melihat situasi di dalam lokaliti Universiti Malaysia Sabah yang melibatkan pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman dalam dan luar sama ada dapat dikawal ataupun tidak dan adakah mereka mempunyai tahap kesedaran yang baik untuk mengikuti dan mematuhi segala peraturan dan SOP yang telah diselaraskan oleh pihak Kerajaan,

penguatkuasa dan Universiti. Hal ini kerana, hasil analisis data kes yang diperoleh melalui aplikasi Telegram, Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang PKP 1 hingga PKP fasa 3 menunjukkan tingkah laku sosial masyarakat Malaysia mempengaruhi kadar kes Covid 19 khususnya negeri Sabah (Noriha Basir, 2020) Wabak corana virus yang mula tersebar di kalangan komuniti Universiti Malaysia Sabah sedikit sebanyak telah memberi pelbagai masalah ataupun beban kepada pihak Universiti dalam menguruskan segala perihal yang berkaitan dengan kebajikan pelajar dan kakitangan.

Selain itu, sepanjang tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga telah menyebabkan trend penggunaan internet yang tinggi dari semua pengguna internet di dunia termasuk rakyat Malaysia. Perkara ini juga pastinya tidak terlepas kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah bila mana pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang dilaksanakan hanya dijalankan secara atas talian. Oleh itu, sudah pasti kekerapan mereka meluangkan masa dengan melayari internet dan media agak tinggi kerana waktu mereka meluangkan bersama gadget untuk melayari internet agak lama sewaktu berada di rumah atau kolej kediaman. Sebagai contoh, amalan pemakaian pelitup muka dan juga penggunaan cecair pembasmi kuman yang telah diiklankan melalui saluran pelbagai media juga dilihat sebagai satu amalan yang remeh dan membebankan sehingga ianya boleh menjadi punca kepada kes jangkitan semakin meningkat di kalangan orang awam.

Oleh itu, kajian terhadap tahap kesedaran terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pelajar universiti dengan penglibatan peranan daripada media perlu dinilai untuk memastikan adakah tahap pematuhan peraturan dan SOP yang telah dilaksanakan itu berada pada tahap yang baik atau sebaliknya melihatkan kepada pandemik yang sedang berlaku ini. Sehubungan dengan itu, peranan dan penerimaan media seperti memastikan segala informasi dan maklumat yang disebarkan merupakan informasi yang boleh dipercayai, mengesahkan sumber berita atau

maklumat yang disebarkan dan menggunakan kaedah komunikasi yang tepat, cekap dan pantas merupakan elemen yang penting dan perlu ada pada media. Maka, melalui elemen yang ada pada media ini pengkaji dapat menilai tahap kesedaran mahasiswa terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan dalam era pandemik Covid-19 ini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah mengenalpasti beberapa persoalan kajian yang dilihat perlu dijawab bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Oleh itu, antara persoalan yang telah dikenalpasti, iaitu:

RQ1: Apakah tahap penggunaan media Ketika pandemik Covid-19 oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah?

RQ2: Apakah peranan media dalam kehidupan pelajar Universiti Malaysia Sabah?

RQ3: Bagaimana hubungan antara penggunaan media dan kesedaran pelajar Universiti Malaysia Sabah ketika pandemik Covid-19?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

RO1: Mengenalpasti tahap penggunaan media ketika pandemik Covid-19 oleh pelajar Universiti Malaysia Sabah.

RO2: Mengenalpasti peranan media dalam kehidupan pelajar Universiti Malaysia Sabah.

RO3: Menganalisis hubungan antara penggunaan media dan kesedaran pelajar Universiti Malaysia Sabah ketika pandemik Covid-19.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini akan mengenalpasti dan menganalisis peranan dan penerimaan yang dilakukan oleh media ketika pandemik Covid-19 bagi mengetahui tahap kesedaran oleh mahasiswa Universiti Malaysia Sabah. Peranan dan penerimaan media merupakan merupakan elemen penting bagi mengukur tahap kesedaran pelajar terhadap situasi yang berlaku ketika pandemik Covid-19.